

# **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)**

## **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan University of Northern Philippines (UNP)**

UniMAP melakar sejarah lagi dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan University of Northern Philippines (UNP) di Vigan City pada 23 Januari 2015 yang lalu. MoU berkenaan ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP, Prof. Dr. Abdul Hamid Adom manakala UNP diwakili oleh Presiden, Dr. Gilbert R. Arce dengan disaksikan oleh Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa UNP, Dr. Antonio Agustine. Hadir sama Timbalan Pengarah Pusat Hal Ehwal Antabangsa (PHEA) UniMAP, En. Muhammad Izmer Yusof. Perjanjian ini melibatkan kerjasama industri dan pertukaran bahan serta maklumat akademik. Usaha ini merupakan salah satu inisiatif bagi meluaskan rangkaian strategik UniMAP terutamanya di Filipina.

